

UTHM anjur program haji kecil



Peserta Junior Hajj anjuran UTHM dan TH yang melibatkan kanak-kanak sekolah tadika di sekitar Parit Raja.

BATU PAHAT - Seramai 50 kanak-kanak tadika di sekitar Parit Raja menerima ilmu baharu apabila pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melatih mereka mengerjakan ibadah haji.

Penyelaras Kursus Kokurikulum Umrah dan Haji, Abd Khalil Abd Rahim berkata, program yang dikenali sebagai 'Junior Hajj' itu mendedahkan kanak-kanak berkenaan dengan simulasi Rukun Islam Kelima bagi memupuk minat dan memahami secara terperinci mengenai ibadah haji.

"Program yang bermula jam 7.30 pagi hingga jam 3.00 petang itu memperkenalkan peserta dengan pakai-an ihram.

"Mereka turut diajar mengerjakan ibadah tawaf, saie, tahalul dan melontar jama-rah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Program diurus oleh pelajar UTHM yang mengambil kursus Umrah dan Haji UQD10301 Seksyen 2 dengan mendapat kerjasama daripada Pusat Pengajian Umum dan Lembaga Tabung Haji (TH).

Hadir sama, Setiausaha Jawatankuasa Pusat Perkembangan Awal Kanak-Kanak UTHM, Farah Deena Md Rapee serta wakil TH Batu Pahat, Mohd Izuddin Mahadan.

Sementara itu, Pengarah Program, Mohamad Najmuddin Mohd Radzi ber-

kata, penganjuran program dapat mengeratkan ikatan silaturahim bersama kanak-kanak tadika berkenaan selain meningkatkan kemahiran insaniah seperti sifat kepimpinan dan komunikasi.

"Kita harap pihak UTHM dapat mengadakannya program ini pada setiap tahun kerana ibadah haji ini perlu diberikan pendedahan kepada kanak-kanak seperti mereka.

"Apabila mereka mula mengetahui tujuan sebenar ibadah ini, mereka akan mempunyai minat dan dalam masa sama juga, mereka pasti menanam cita-cita untuk mengerjakan ibadah berkenaan satu hari kelak," katanya.